

Penyelidikan universiti tempatan kedua terbaik dunia

KUALA TERENGGANU 7 Okt. - Universiti awam dan swasta di negara ini diiktiraf sebagai kedua terbaik di dunia dari segi peningkatan hasil penyelidikan dalam tempoh enam tahun.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pengiktirafan itu diberikan oleh Research 2017 dalam dua pangkalan data penyelidikan antarabangsa iaitu Web of Science yang dikendalikan Clarivate Analytics dan Scopus di bawah kendalian Elsevier.

Menurut beliau, kedua-dua badan itu mendapati hasil penyelidikan universiti awam dan swasta di negara ini mencatatkan pertambahan sebanyak 7.2 peratus sepanjang 2011 hingga 2016, berbanding purata dunia pada kadar 1.1 peratus sahaja.

"Selain itu, seramai 20 penyelidik tempatan telah diiktiraf sebagai dalam kalangan saintis terbaik dunia hasil penyelidikan mereka dalam bidang kejuruteraan, kewangan Islam, alam sekitar dan tenaga," katanya.

Idris berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pe-

ngajian Tinggi Antarabangsa (Pecipta) 2017 di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Cancellor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar dan Naib Cancellor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif.

Program selama tiga hari itu bertemakan Memupuk Usahawan Melalui Pendidikan, Industri, Teknologi dan Inovasi Sosial dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bersama UMT dan UniSZA.

Pecipta 2017 kali pertama diadakan di luar Kuala Lumpur mengetengahkan 416 produk reka cipta dan hasil penyelidikan oleh 40 universiti di samping tujuh politeknik tempatan dan dua kolej komuniti selain penglibatan swasta.

Program yang turut bertujuan merapatkan jurang antara komuniti dengan universiti tempatan itu juga menarik penyertaan universiti-universiti dari Indonesia, Thailand, China, Vietnam, Belgium dan United Kingdom.



IDRIS JUSOH menyempurnakan perasmian Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2017 di Stadium Tertutup, Gong Badak, Terengganu, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN